

Headline	Hotel bajet ayam muda		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	12 Mar 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	289,315
Page No	23	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	133 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,578
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,735



Hotel bajet 'ayam muda'

BATU PAHAT: Sindiket pelacuran di daerah ini menjadikan hotel bajet di sekitar bandar sebagai lokasi 'ayam muda' warga tempatan bagi membolehkan pelanggan memuaskan nafsu kerana menyangka ia tidak akan diserbu pihak berkuasa.

Tindakan menempatkan pelacur di hotel bajet juga bagi menarik pelanggan warga asing dan tempatan.

Bagaimanapun, taktik itu tidak bertahan lama selepas Penguat Kuasa Pejabat Agama Daerah Batu Pahat yang berjaya mengesan kegiatan itu menyerbu beberapa hotel bajet, petang kelmarin.

Timbalan Ketua Penguat Kuasa Agama Daerah Batu Pahat, Saiful Ariffin Mohd Sopah berkata, pelanggan dipercayai dikenakan caj

RM40 bagi setiap sesi perkhidmatan seks ditawarkan.

"Ketika kami menyerbu hotel bajet itu, lima pelacur sedang menunggu pelanggan manakala dua yang lain asyik memuaskan nafsu pelanggan."

"Lima daripada mereka berasal dari Sabah manakala dua lagi pelacur berbangsa Cina tempatan," katanya.

Menurut Saiful, operasi dijalankan pihaknya itu dilakukan dengan kerjasama penguat kuasa pejabat agama dari Johor Bahru, Kluang, Pontian dan Muar.

"Dua lelaki berusia 20 tahun yang berada di kawasan hotel bajet terbabit dan dipercayai mahu mendapatkan khidmat pelacur antara individu yang ditahan dalam operasi ini.